1.0 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG TABUNG BAITULMAL SARAWAK

- Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) **ditubuh pada tahun 1985 sebagai wakil Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan Zakat, Sadaqatul Jariah dan Wakaf.**
- TBS berperanan menyediakan **prasarana mengutip Zakat, Sadaqatul Jariah dan Wakaf, mengagih bantuan-bantuan kepada golongan yang memerlukan dan mengurus dana-dana tersebut** di samping menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat. Bagi kerangka perlaksaan Operasi dan juga latar belakang TBS adalah seperti **Rajah 1** di bawah :-



Rajah 1: Sumber Utama TBS

- Zakat dikutip untuk mencapai beberapa matlamat. Selain daripada kewajipan berzakat, ia juga menyucikan harta dan jiwa pembayar zakat, Zakat adalah salah satu daripada sumber pembiayaan utama bagi matlamat-matlamat kebajikan dan pembangunan yang selaras dengan peruntukan syarak bagi kelapan-lapan asnaf zakat. Asnaf Zakat bermaksud Asnaf ialah pihak yang layak menerima bantuan Zakat yang dikutip daripada orang Islam. Asnaf yang lapan terdiri daripada golongan **Fakir (al-Fuqara), Miskin (al-Masakin), Amil, Muallaf, Riqab (seseorang yang terbelenggu tanpa kebebasan), Gharimin (penghutang muslim), Fisabilillah (orang yang berjuang kerana Allah) dan Ibnus Sabil (musafir).** TBS menyediakan 3 Program Utama Bantuan Iaitu turut mempunyai pelbagai jenis bantuan lain di bawah tiga

program utamanya iaitu Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan (PMTK), Program Memantapkan Kebajikan Ummah (PMKU) dan Program Membangunkan Institusi Islam (PMII).



Rajah 2: Latar Belakang Tabung Baitulmal Sarawak

TBS sebagai agensi pelengkap telah bersedia dengan perancangan Transformasi Digital bagi mencapai Baitulmal Maju Kehadapan (BMK) menjelang 2030.

1.2 LATAR BELAKANG KUMPULAN

1.2.1 Sejarah Penubuhan Kumpulan

TBS mula bergiat aktif dalam penyertaan KIK bermula tahun 2015. Berikut merupakan ringkasan Sejarah Pencapaian Kumpulan KIK TBS:



Rajah 3 : Sejarah Pencapaian Kumpulan

Gambar rajah di atas menunjukkan menunjukkan TBS sentiasa konsisten dalam penyertaan KIK dan sentiasa bergiat aktif dalam menambahbaik sistem penyampaian kepada masyarakat.

1.2.2 Komitmen Ahli Kumpulan KIK 2019

Bagi tahun 2019, Syura Team 4.0 telah ditubuhkan dan dianggotai seramai **7 orang ahli** (*Rujuk lampiran 1*). Berikut merupakan maklumat penubuhan Syura Team 4.0 :

Rajah 4 : Ahli Kumpulan

Bagi memastikan percambahan idea yang berterusan, Syura Team 4.0 telah berjaya menganjur perbincangan kumpulan secara bulanan. (*Rujuk lampiran 2*)

1.2.3 Penyertaan dan Komitmen Ahli

Berikut merupakan aktiviti dan perbincangan yang telah dihadiri dan dianjur oleh Syura Team 4.0. Syura Team komited dalam menyertai dan mengambilkira elemen penting yang telah disampaikan melalui taklimat-taklimat KIK 2019 (*Rujuk lampiran 3*).

Rajah 5 : Menghadiri Taklimat KIK

Syura Team telah berjaya menganjur perbincangan secara bulanan bagi memastikan percambahan idea berterusan dari setiap ahli (*Rujuk Lampiran 4*).

Rajah 6 : Perbincangan Ahli Kumpulan

Pengurusan TBS sangat komited dalam memberi sokongan terhadap setiap idea yang telah dibentangkan oleh Syura Team (*Rujuk lampiran 5*).

Rajah 7 : Perbincangan bersama Pengurusan TBS

Setiap idea, langkah dan perubahan akan dibincang bersama dengan bahagian yang terlibat seperti pihak Vendor & Bahagian Tadbir Asnaf TBS.

Rajah 8 : Perbincangan bersama pihak Vendor & Bahagian Tadbir Asnaf TBS.

Syura Team berjaya membentangkan Projek Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2 pada sesi Saringan KIK 2019 bertempat di Imperial Hotel, Kuching pada 04 September 2019 (*Rujuk lampiran 6*).

Rajah 9 : Pembentangan ketika peringkat Saringan KIK

2.0 LATAR BELAKANG PROJEK KIK

2.1 Proses Sedia Ada

- Metodologi asal dalam mengesan dan mendapatkan maklumat potensi asnaf dalam pengurusan Bahagian Tadbir Asnaf tidak mencapai secara menyeluruh di Sarawak.
- Secara praktikalnya, pegawai unit tersebut lazimnya akan mengisi borang secara manual setelah mendapatkan maklumat awal potensi asnaf berdasarkan penerimaan maklumat melalui panggilan telefon, surat dan lisan pelanggan di kaunter sahaja.

2.2 Penyataan Masalah

- TBS sebagai pemegang amanah masyarakat Islam Sarawak perlu sentiasa bertanggungjawab dan peka terhadap keperluan dan harapan mereka terutamanya kepada golongan yang memerlukan bantuan.
- Oleh itu, TBS telah menyediakan pelbagai jenis bantuan bagi membantu dan membangunkan kehidupan masyarakat Islam di seluruh Sarawak.

Rajah 10 : Produk Agihan TBS

- Namun demikian, hasil tinjauan Syura Team 4.0 mendapati masih **terdapat kekangan capaian bantuan kepada Masyarakat** dimana segelintir asnaf terlepas dikesan di kawasan tertentu. Oleh yang demikian, ini mengakibatkan kritikan dan tohmahan dari pihak luar melalui viral media sosial dan sebagainya.

Rajah 11 : Viral di Media Sosial

2.3 Signifikan masalah

i. Tabung Baitulmal Sarawak

- Memberi kesan negatif kepada imej TBS yang bertanggungjawab mengutip zakat, mentadbir urus dana pemilikan ummah dan mengagih bantuan kerana TBS telah gagal membantu pihak asnaf.

ii. Pemegang Taruh (MIS/Muzzaki/Asnaf/Kerajaan Negeri)

- Kerajaan Negeri: Mempengaruhi agenda kerajaan negeri dalam membangunkan masyarakat khususnya penduduk Islam di Sarawak.
- Majlis Islam Sarawak (MIS): Mempengaruhi keseimbangan dana apabila berlaku lambakan dana agihan yang layak diagih kepada asnaf yang gagal dikesan.
- Pembayar zakat (*Muzakki*): Mempengaruhi keyakinan masyarakat luar untuk terus membayar zakat dan menyumbang di TBS
- Penerima bantuan zakat (*Asnaf*): Mempengaruhi jumlah kecicirian potensi asnaf yang sepatutnya dibantu dan dibangunkan kehidupannya

2.4 Kaedah penyelesaian

- Oleh yang demikan, bagi menyelesaikan masalah capaian bantuan TBS adalah mewujudkan *customer engagement* dengan adanya menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat luar untuk membekalkan maklumat potensi asnaf di seluruh negeri Sarawak.

3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 Pernyataan Masalah

- Syura Team 4.0 dengan kerjasama Bahagian Tadbir Asnaf TBS telah membuat tinjauan dan kajian berdasarkan aduan dan kritikan viral di media sosial.
- Kajian mendapati kebanyakan potensi asnaf yang terlibat dalam beberapa aduan viral berada di lokasi yang sukar dikesan *(blind spot)* seperti terlindung disebalik frasarana awam (bawah jambatan, dalam

hutan dan sebagainya), lokasi penempatan yang terpencil dan sebagainya (Rujuk lampiran 7).

Rajah 12 : Lokasi potensi asnaf

3.2 *Design Thinking*

- Syura Team 4.0 telah mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Bahagian Tadbir Asnaf berhubung tindakan penyelesaian masalah terhadap sistem penyampaian sekaligus menjadikan ia sebagai projek KIK 2019. Proses *Design Thinking* bagi projek ini adalah seperti Lampiran 8.
- Hasil design thinking tersebut, Syura Team 4.0 sebulat suara untuk menggunakan konsep ***Eliminate-Reduce-Raise-Create*** **(ERRC)** bagi mencari tindakan penyelesaian yang relevan. Gambarajah dibawah menunjukan konsep ERRC projek ini :

Menghapus (*Eliminate*) :	Mengurangkan (*Reduce*):	Meningkatkan (*Raise*):	Mencipta (*Create*):
▪Hapus kekangan capaian kepada potensi asnaf. ▪Hapus penularan maklumat (kedhaifan) asnaf di media sosial.	•Kurangkan viral asnaf di media sosial. •Kurangkan maklumat potensi asnaf yang tidak berkualiti bagi mengurangkan kos siasatan ke lokasi yang salah.	•Meningkatkan capaian kepada potensi asnaf di seluruh Sarawak. •Meningkatkan kepuasan pelanggan dan pemegang taruh.	•Aplikasi yang mudah digunakan semua pihak. •kemudahan yang mampu mencapai potensi asnaf di seluruh kawasan.

Rajah 13: Konsep ERRC

3.3 Kelulusan Projek

- Syura Team 4.0 dan juga Bahagian Tadbir Asnaf telah membentangkan segala permasalahan, idea penyelesaian serta langkah pelaksanaan bagi aplikasi Jejak Asnaf Versi 2.
- Pihak pengurusan TBS telah bersetuju untuk menambahbaik aplikasi tersebut bagi memudahkan semua pihak pada 10 Januari 2019 (*Rujuk lampiran 9*).

3.4 Penghasilan *Prototype*

- Sepanjang proses penghasilan prototype aplikasi ini, Syura Team telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Bahagian Tadbir Asnaf TBS dan vendor yang telah dilantik (*Rujuk lampiran 10*).

Rajah 14 : Gambar Sepanjang Penghasilan Prototype

3.5 Tindakan Ujicuba (*Pilot Test*)

- Berikut merupakan pelaksanaan uji cuba aplikasi Jejak Asnaf dengan menjadikan Ibu Pejabat TBS bertempat di Kuching, Sarawak seperti gambarajah dibawah :



Rajah 15 : Tindakan Ujicuba

- Beberapa penambahbaikan telah dibuat setelah ujicuba tersebut seperti penambahbaikan features, perkongsian lokasi secara automatif, komunikasi real time bersama pengguna dan sebagainya pada bulan Februari 2019. (*Rujuk lampiran 11*).

3.6 Pelaksanaan

- Pelaksanaan bagi penggunaan aplikasi Jejak Asnaf secara besar-besaran telah dibuat pada tahun 2018.

3.6.1 Perangkaan Prosedur Kerja (SOP)

- Prosedur Kerja telah dibuat bersesuaian dengan pelaksanaan Jejak Asnaf Versi 2 pada 14 Mac 2019 (*Rujuk lampiran 12*). Berikut merupakan hasil perangkaan prosedur kerja (SOP) bagi penggunaan aplikasi Jejak Asnaf:



Rajah 16 : Carta alir Prosedur Jejak Asnaf

3.6.2 Keseragaman

Setelah beberapa isu dan penemuan berkenaan penggunaan aplikasi tersebut diselesaikan, arahan telah dikeluarkan pada 18 Februari 2019 kepada pihak pelaksana Bahagian Tadbir Asnaf TBS iaitu Ibupejabat dan semua cawangan TBS bagi tujuan penyeragaman dalam penggunaan Jejak Asnaf Versi 2 sebagai salah satu saluran pengesanan potensi asnaf yang inovatif (*Rujuk lampiran 13*).

3.6.3 Latihan (*Training*)

Taklimat Penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2 kepada wargakerja cawangan TBS telah diadakan pada 28 Mac 2019 bertempat Ibu Pejabat TBS, Kuching sekaligus menggalakkan penggunaan aplikasi ini secara menyeluruh (Rujuk lampiran 14). Berikut menunjukkan aktiviti yang diadakan sepanjang taklimat latihan tersebut :

Rajah 17 : Gambar semasa latihan

3.6.4 Pelancaran

Aplikasi ini juga telah diwar-war kepada masyarakat luar dan telah dilancarkan secara rasmi oleh Pengurus Besar TBS pada 14 Mac 2019 semasa Program Health Ride 2019 bertempat di Kuching, Sarawak (*Rujuk lampiran 15*).

Rajah 18 : Program Health Ride 2019

3.6.5 Pemantauan

Sebagai langkah pantauan bagi mengukur keberkesanan proses yang melibatkan maklumat dari aplikasi ini telah dijadikan objektif kualiti dan dimasukkan ke dalam pelaksanaan ISO di Bahagian Tadbir Asnaf TBS (*Rujuk lampiran 16*).

3.6.6 Pelaporan

Segala tindakan, maklumat, laporan dari semasa ke semasa berkaitan potensi asnaf yang diperoleh melalui aplikasi Jejak Asnaf ini dilapor dan turut dibincang Bahagian Tadbir Asnaf TBS ke dalam mesyuarat bulanan Pengurusan TBS peringkat sektor TBS (*Rujuk lampiran 17*).

Rajah 19 : Laporan Sektor Operasi

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

Susulan pelaksanaan aplikasi Jejak Asnaf Versi 2, TBS telah menambah nilai dalam sistem penyampaian yang sedia ada sekaligus menambah mutu pengurusan ke atas

maklumat berkenaan keberadaan potensi asnaf kian meningkat berbanding sebelumnya.

4.1 Peningkatan Penerima Sara Hidup

Hasil penggunaan aplikasi ini, Syura Team mendapati peningkatan berlaku kepada jumlah penerima sarahidup TBS (Rujuk lampiran 18). Kenaikan tahunan bantuan adalah seperti berikut:



Rajah 20 : Data Permohonan Bantuan Sarahidup

Ini bermakna penggunaan aplikasi Jejak Asnaf melalui penglibatan masyarakat luar berjaya membantu meningkatkan capaian asnaf di seluruh Sarawak sekaligus membantu TBS menyampaikan bantuan kepada asnaf yang memerlukan dengan purata sebulan sebanyak **167 penerima sebulan** berbanding hanya sekitar **123 penerima sebulan** pada tahun sebelumnya.

4.2 Penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf

Masyarakat prihatin atau pengguna luar digalakkan memuaturun aplikasi Jejak Asnaf ini melalui Google Playstore dan App Store menggunakan telefon

pintar masing-masing (*Rujuk lampiran 19*). Syura Team 4.0 mendapati bilangan pengguna yang memuaturun aplikasi ini semakin bertambah seperti rajah dibawah.

DATA JUMLAH MUATTURUN **JEJAK ASNAF VERSI 1**
DARIPADA APPS STORE DAN PLAYSTORE

01 SEPTEMBER 2017 SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

DATA JUMLAH MUATTURUN **JEJAK ASNAF VERSI 2**
DARIPADA APPS STORE DAN PLAYSTORE

01 MAC 2019 SEHINGGA 31 OGOS 2019

PLAYSTORE (ANDROID)	APPS STORE (APPLE)
543	54
597 JUMLAH KESELURUHAN	

Rajah 21 : Data Jumlah memuatturun Aplikasi Jejak Asnaf



Rajah 22: Maklumbalas/Komen pengguna Aplikasi Jejak Asnaf

DATA DAN JENIS PERMOHONAN KESELURUHAN BAGI JEJAK ASNAF
MENGIKUT CAWANGAN
BAGI BULAN 01 MAC 2019 SEHINGGA 31 OGOS 2019

2019

CAWANGAN	JUMLAH PERMOHONAN	LULUS	GAGAL	DALAM PROSES	MAKLUMAT TIDAK LENGKAP
KUCHING	78	43	26	0	9
SAMARAHAN	15	10	5	0	0
SRI AMAN	1	1	0	0	0
SARIKEI	6	3	1	2	0
SIBU	5	2	0	3	0
MUKAH	2	1	1	0	0
BINTULU	0	0	0	0	0
MIRI	1	1	0	0	0
LIMBANG	0	0	0	0	0
JUMLAH	108	61	33	5	9

Rajah 23: Laporan Aplikasi Jejak Asnaf

Ini menunjukkan hasil usaha TBS untuk mendidik masyarakat Sarawak menggunakan aplikasi Jejak Asnaf dalam menyalurkan maklumat yang berkualiti berkenaan keberadaan potensi asnaf di seluruh Sarawak.

4.3 Penjimatan Kos, Masa dan Sumber Manusia

4.3.1 Penjimatan Kos & Sumber Manusia

Aplikasi Jejak Asnaf membenarkan penglibatan masyarakat luar dalam mendapatkan maklumat potensi asnaf. Ini sekaligus menjimatkan kos tenaga kerja turun padang TBS sebanyak **RM218,250 setahun** seperti dalam gambar rajah berikut:

PENJIMATAN KOS

A: KOS PENGAMBILAN BARU TENAGA PEKERJA

PENGAMBILAN PEKERJA	BAHAGIAN	PENDAPATAN SEBULAN	SETAHUN	TOTAL
1	10	2,200.00	12 BULAN	RM264,000.00

B: KOS PEMBINAAN APLIKASI JEJAK ASNAF

PERKARA	TOTAL
PEMBANGUNAN SISTEM	RM33,750.00
KOS PENYELANGGAN TAHUNAN	RM12,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM45,750.00

C: PENJIMATAN KOS

TAHUN	PERKARA	PENJIMATAN	KOS PENYELENGARAAN
TAHUN 1	RM264,000 – RM45,750	RM218,250	
TAHUN 2			12,000.00

19

Rajah 24: Kajian Penjimatan Kos

Ini menunjukkan penggunaan aplikasi ini berjaya mengurangkan kos dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia TBS (*Rujuk lampiran 20*).

4.3.2 Penjimatan Masa

Rajah 25: Penjimatan Masa Jejak Aplikasi Jejak Asnaf

Maklumat yang diterima terus dari masyarakat serta kelebihan aplikasi Jejak Asnaf Versi 2 yang dilengkapi dengan kemudahan *Geo Location* memudahkan proses siasatan ke lokasi. Bagi KPI Aplikasi Jejak Asnaf adalah sebelum ini, bukan melalui Aplikasi Jejak Asnaf tempoh proses siasatan turun padang TBS adalah 5 hari waktu bekerja dan telah disingkatkan kepada 3 hari waktu bekerja. Secara tidak langsung ini menyingkatkan tempoh proses siasatan turun padang TBS dan bagi KPI untuk Aplikasi Jejak Asnaf setakat bulan Ogos 2019 (*Rujuk lampiran 21*). Data bagi KPI Jejak Asnaf adalah seperti dalam gambar rajah berikut:

TAHUN	BILANGAN	< 3 hari	> 3 hari	%
2017	30	29	1	96%
2018	109	90	19	82%
2019 (Ogos)	108	95	13	88%

Rajah 26: Data KPI Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2

4.4 Data Integriti

Data integriti memainkan peranan penting kepada gerakan TBS bagi memastikan penilaian yang betul dan siasatan dibuat ke lokasi yang tepat. Pembekalan maklumat asnaf yang salah atau data yang tidak berkualiti boleh mengakibatkan pembaziran kos masa dan tenaga.

Syura Team 4.0 sentiasa komited dalam mempromosi dan mendidik pengguna Jejak Asnaf berkenaan kualiti penyaluran data potensi asnaf dan ia telah menghasilkan perubahan positif seperti yang berikut:



Rajah 27: Data penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf

Integriti data ini sekaligus dapat membantu semua pihak yang ingin turut sama menyumbang kepada potensi asnaf. Setiap tahun TBS sentiasa giat menyalurkan maklumat asnaf kepada pihak luar dan badan-badan korporat yang melaksanakan aktiviti *Corporate Sosial Responsibility (CSR)* bagi memenuhi keperluan pihak berkenaan (*Rujuk lampiran 22*).

4.5 Kelebihan

Hasil daripada projek ini, berikut merupakan kelebihan & penambahbaikan aplikasi Jejak Asnaf :-



Rajah 28: Kelebihan Aplikasi Jejak Asnaf

Antara Faedah & kelebihan adalah seperti berikut :

a) Maklumat diterima secara terus dari Pengguna

Pihak TBS juga boleh mendapatkan maklumat ringkas dengan mudah dan cepat serta berpeluang berhubung secara terus kepada penyalur maklumat ataupun potensi asnaf sendiri berdasarkan maklumat yang dibekalkan.

Rajah 29: Maklumat secara terus kepada pelapor

b) Maklumat disalurkan secara visual

Maklumat secara visual memberi gambaran yang lebih terperinci kepada TBS dalam mengesan lokasi keberadaan dan keadaan tempat tinggal potensi asnaf di seluruh Sarawak. Aplikasi Jejak Asnaf dengan kemudahan *Geo Location* membantu memudahkan pengguna untuk memberi maklumat yang tepat kepada TBS.



Rajah 30: Gambar menunjukan *Geo Location* Aplikasi Jejak Asnaf

c) Menyingkatkan Proses Kerja

Penyaluran maklumat melalui Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2.0 ini juga memudahkan pengurusan maklumat potensi asnaf dan asnaf yang layak dapat disantuni dengan dengan cepat dengan bantuan masyarakat luar iaitu Tempoh KPI bagi Aplikasi Jejak Asnaf adalah sebelum ini, tempoh proses siasatan turun padang TBS bukan melalui Aplikasi Jejak Asnaf adalah 5 hari waktu bekerja dan telah disingkatkan kepada 3 hari waktu bekerja. (*Rujuk lampiran 23*).

S.O.P	SEBELUM JEJAK ASNAF	SELEPAS JEJAK ASNAF
Pegawai Mencatat Data Awal Pemohon	PERLU	TIDAK PERLU
Pemohon Perlu Menyediakan Dokumen Sokongan	PERLU	TIDAK PERLU
Saringan Jenis Permohonan Kebajikan	PERLU	TIDAK PERLU
Tempoh Siasatan ke Lokasi	5 HARI	3 HARI
Pemakluman Kepada Pengadu	TIADA	ADA

Rajah 31: Penyingkatan Proses

d) Keunikan Aplikasi Jejak Asnaf

Maklumat daripada pusat zakat lain seluruh Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat tiada yang menggunakan kaedah Aplikasi yang seperti ini. Malaysia (*Rujuk lampiran 24*).

Rajah 32: Keunikan Jejak Asnaf Versi 2

5.0 IMPAK PROJEK

5.1 Impak Kepada Imej TBS

- Memberi kesan positif kepada imej TBS yang bertanggungjawab dalam mengagih bantuan dan membangunkan asnaf di Sarawak (*Rujuk lampiran 25*). Berikut merupakan statistik penurunan kes viral hasil daripada projek ini:

Rajah 33: Penurunan Kes Viral

Usaha ini sekaligus menunjukkan TBS sentiasa konsisten dalam menambahbaik sistem penyampaian kepada masyarakat dan penglibatan aktif masyarakat prihatin ini juga sesuai dengan slogan TBS “Baitulmal Tanggungjawab Kita Bersama”.

5.2 Impak kepada Pemegang Taruh

- Kerajaan Negeri: Kemudahan aplikasi Jejak Asnaf telah membantu usaha Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan masyarakat khususnya penduduk Islam di Sarawak dengan memanfaatkan transformasi teknologi ke arah kebaikan bersama.
- Masyarakat: Projek ini berjaya mengubah mentaliti masyarakat menggunakan aplikasi Jejak Asnaf Versi 2 saluran yang tepat dalam membekalkan maklumat potensi asnaf kepada TBS (*Rujuk lampiran 26*).

Rajah 34: Maklumbalas netizen melalui Media Sosial

- Majlis Islam Sarawak (MIS): TBS mewakili MIS untuk menjaga kebajikan masyarakat Islam di Sarawak. Aplikasi Jejak Asnaf telah membantu TBS menunaikan amanah tersebut.
- Pembayar zakat (*Muzakki*): Masyarakat luar yang terdiri daripada pembayar zakat juga berpuas hati dengan penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2 dalam mengesan keberadaan potensi asnaf di Sarawak (Rujuk lampiran 27). Berikut merupakan statistik maklumbalas berkenaan penggunaan aplikasi ini:



Rajah 35: Maklumbalas pelanggan melalui Pelapor Aplikasi Jejak Asnaf

- Penerima Bantuan Zakat (*Asnaf*): Jejak Asnaf telah berjaya mengesan asnaf yang layak untuk menerima bantuan dan dibangunkan melalui latihan kemahiran di Akademi Latihan Insan TBS (*Rujuk lampiran 28*).

6.0 Potensi Pengembangan Projek

Syura team 4.0 sentiasa mengenalpasti beberapa kekangan terhadap penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf untuk diatasi sekaligus meningkatkan potensi pengembangan aplikasi ini pada masa akan datang. Ia adalah seperti berikut:

a) **Liputan Rangkaian Internet**

- Negeri Sarawak mempunyai capaian telekomunikasi serta infrastruktur jalur lebar adalah mencakupi 78% (3G & 4G)

Sumber: Ucaptama Ketua Menteri Sarawak semasa Perasmian International Digital Economy Conference Sarawak (IDECS) 2018

- Mengambilkira maklumat tersebut Syura Team 4.0 memastikan Aplikasi Jejak Asnaf sentiasa bersedia dengan rangkaian 3G agar ia tidak menjadi penghalang kepada pengguna untuk bersama-sama memanfaatkannya.
- Namun demikian, capaian dijangka meliputi keseluruhan negeri Sarawak pada penghujung tahun 2020.

b) **Mentaliti Pengguna**

- Kebanyakan mentaliti pengguna adalah memilih untuk mendedahkan kedhaifan asnaf secara umum di media sosial malah tanpa usul periksa mengatakan pihak TBS atau badan kebajikan bersikap lepas tangan akan hal tersebut.
- Syura Team 4.0 dengan perancangannya akan berusaha untuk memastikan Jejak Asnaf Versi 2 akan menjadi saluran utama dalam menyampaikan maklumat keberadaan potensi asnaf yang memerlukan.

c) **Kerjasama Jabatan Lain**

- Kebanyakan mentaliti pengguna adalah memilih untuk mendedahkan kedhaifan asnaf secara umum di media sosial malah tanpa usul periksa mengatakan pihak TBS atau badan kebajikan bersikap lepas tangan akan hal tersebut.

- TBS tiada halangan untuk membuat sinergi bersama agensi kebajikan yang berkaitan dalam mengembangkan penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2 (*Rujuk lampiran 29*).
- Syura Team 4.0 dengan perancangannya akan berusaha untuk memastikan Jejak Asnaf Versi 2 akan menjadi saluran utama dalam menyampaikan maklumat keberadaan potensi asnaf yang memerlukan dan menjadikan ia aplikasi yang digunakan secara global (*Rujuk lampiran 30*).
- Pihak TBS telah menerima lawatan daripada Lawatan Majlis Islam Dan Adat Melayu Perak ke Ibu Pejabat TBS di Ibupejabat Batu Kawa, Kuching pada 12 September 2019 bertempat di Dewan Utama Saidina Umar Al-Khattab dan telah diadakan Taklimat Khas Tabung Baitulmal Sarawak disampaikan oleh YBhg. Datu Hj. Abg. Mohd. Shibli Bin Hj. Abg. Mohd. Nailie, Pengurus Besar TBS. Hasil daripada taklimat dan perkongsiaan yang disampaikan pada hari tersebut pihak Majlis Islam Dan Adat Melayu Perak berminat akan cara penggunaan Aplikasi Jejak Asnaf dan ingin belajar dengan lebih lanjut dengan TBS mengenai aplikasi tersebut.

Rajah 36: Lawatan Majlis Islam Dan Adat Melayu Perak

7.0 RUMUSAN

Rajah 37: Rumusan Hasil Pembangunan Aplikasi Jejak Asnaf Versi 2

Secara keseluruhannya, penggunaan aplikasi Jejak Asnaf telah menyelesaikan masalah capaian TBS kepada asnaf dan mampu memberi manfaat kepada banyak pihak baik dari Kerajaan Negeri sehingga masyarakat secara keseluruhannya. Aplikasi Jejak Asnaf mampu mencapai potensi asnaf di seluruh Sarawak dengan sokongan dan penglibatan masyarakat awam menggunakan kos yang rendah. TBS sangat komited dalam mendapatkan maklumat dan data berkenaan potensi asnaf agar dapat dibantu dan dibangunkan sesuai dengan tema KIK 2019 iaitu *Accelarating Sarawak Growth*.